

Pentadbiran Tanah Negeri Pahang: Peranan Penghulu dalam Pentadbiran Mukim Zaman Kolonial 1888 – 1957

Sah-Hadiyatan Ismail

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia
sah.ismail@usm.my

Received: 15 August 2023

Accepted: 10 December 2023

Date Published Online: 15 March 2024

Abstract: Pentadbiran Penghulu merupakan institusi pentadbiran peringkat mukim dalam sesebuah daerah di Negeri Pahang. Penghulu dilantik oleh pemerintah negeri iaitu Sultan dan selepas kemasukan Inggeris di Negeri Pahang, penghulu terus memainkan peranan sebagai pentadbir tempatan dalam sistem pemerintahan kolonial Inggeris. Penghulu merupakan pentadbir dan juga agen perantara antara pegawai kerajaan di peringkat daerah dan rakyat di peringkat mukim dan kampung. Kajian ini meneliti peranan Penghulu dalam urusan pentadbiran tanah dan hal-hal lain dalam mukim pentadbiran penghulu tersebut. Kajian memberikan tumpuan kepada hal ehwal tanah dalam mukim, isu-isu yang berkaitan dengan jabatan penghulu, tugas penghulu dan sebagainya. Dalam kajian ini, fail-fail mengenai pentadbiran tanah telah dirujuk dan kebanyakan fail tersebut berada di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur. Kajian ini mendapati Penghulu memainkan peranan yang besar terutama sebagai jurucakap kerajaan dalam menyampaikan maklumat kepada rakyat dan menyampaikan keluhan dan permohonan rakyat kepada kerajaan. Institusi Penghulu juga telah diberi perhatian oleh pentadbiran Negeri terutama dalam menambah baik skim perkhidmatan penghulu bagi menjamin kelancaran pentadbiran peringkat mukim dan kampung.

Kata kunci: Isu-isu Tanah, Mukim, Pahang, Penghulu, Pentadbiran British

Pengenalan

Penghulu merupakan satu jawatan yang telah wujud dalam pentadbiran negeri Pahang pada zaman tradisional. Terdapat beberapa jawatan penghulu seperti Penghulu Mukim, Penghulu Balai, dan Penghulu Bendahari. Jawatan-jawatan ini mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri. Secara amnya Penghulu merupakan seorang yang menjadi ketua dalam sesuatu pekerjaan atau menjadi ketua kepada sekelompok kecil masyarakat. Makalah ini walau bagaimanapun hanya membincangkan mengenai jawatan Penghulu Mukim yang telah wujud dalam pentadbiran negeri Pahang sebelum campur tangan Inggeris dalam tahun 1888. Memandangkan dokumen berkaitan dengan tugas dan peranan penghulu yang terdapat di Arkib Negara adalah banyak dan meliputi setiap daerah di Pahang, makalah ini memberikan tumpuan kepada Daerah atau Jajahan Temerloh dan perbincangan adalah mengenai kedudukan, peranan dan tugas penghulu secara tematik. Fail-fail dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan juga dari Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang telah diperolehi dan analisis secara kualitatif telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Penghulu dilantik oleh Sultan bagi mentadbir sesebuah mukim yang terdiri dari beberapa buah kampung. Penghulu merupakan pemimpin tradisional yang berpengaruh. Selepas campur tangan Inggeris, pentadbiran negeri telah beransur-ansur berubah. Inggeris memperkenalkan sistem pentadbiran yang meliputi pelbagai aspek seperti pelantikan pegawai, pentadbiran tanah, percukaian dan sebagainya. Bermula 1 Julai 1889, Negeri Pahang telah dibahagikan kepada beberapa daerah¹ ‘collectorate’ dan setiap daerah yang dibentuk ditadbir oleh seorang ‘Collector and Magistrate’. Inggeris telah mewujudkan persempadanan daerah dalam negeri Pahang dan pada tahun tersebut Daerah Kuantan, Temerloh, Rompin, Pekan, dan Ulu Pahang ditubuhkan. Pada tahun berikutnya

Daerah Kuala Pahang telah ditubuhkan dengan memisahkan kawasan tersebut dari Daerah Pekan. Pada tahun 1891, Daerah Bentong, Kuala Lipis, Maran, Jerantut dan Cameron Highlands telah ditubuhkan.² Pejabat Tanah dan Daerah telah ditubuhkan di setiap daerah yang dibentuk. Pentadbiran tanah telah diperkemaskan dengan penentuan persempadanan, pemilikan tanah, proses permohonan, pertukaran hak milik dan sebagainya. Di peringkat mukim, Inggeris telah mengekalkan institusi penghulu. Dengan pengekalannya kedudukan penghulu pihak Inggeris tidak perlu berhubung secara langsung dengan penduduk tempatan. Perhubungan antara pegawai kulit putih penjajah Inggeris yang berkhidmat sebagai *District Officer* [Pegawai Daerah / Jajahan] dengan penduduk tempatan adalah melalui penghulu. Penghulu menjalankan pentadbiran sebagai suara kepada kerajaan dalam semua permasalahan di peringkat mukim dan bertindak sebagai agen pemerintah di mukim yang ditadbir olehnya. Daerah Temerloh telah dipecahkan kepada 14 mukim iaitu Mukim Perak, Chenor, Mentakab, Bukit Segumpal, Bera, Sanggang, Lipat Kajang, Bangau, Kertau, Triang, Jenderak, Semantan, Lebak, dan Kerdau.

Kajian Lepas

Ramai penulis telah menulis mengenai negeri Pahang, namun penulisan yang membincangkan mengenai peranan dan pentadbiran peringkat mukim oleh Penghulu sangat sedikit. Abdullah Haji Bahari (1977) dalam makalah bertajuk *Kedudukan Penghulu di Pahang Sebelum Merdeka*³ membincangkan kedudukan penghulu dalam pentadbiran mukim secara menyeluruh. Mohd Samsudin (2010) menulis mengenai *Pahang Sekitar Abad Ke 19 Menurut Pandangan Pegawai-pegawai British*⁴ mengulas mengenai penulisan pegawai British mengenai negeri Pahang. Aruna Gopinath (1993) dalam buku *Sejarah Politik Pahang 1880-1935* tumpuan kepada pergolakan dan perkembangan politik yang berlaku dalam negeri Pahang namun tidak membincangkan mengenai peranan dan kedudukan penghulu dalam pentadbiran negeri Pahang.

Mohd Isa Othman (2012) pula menulis makalah 'Pentadbiran Mukim, 1909 -1957' yang memberi tumpuan kepada pentadbiran penghulu mukim di Negeri Kedah. Mohd Isa membincangkan peranan, tugas dan tanggungjawab penghulu semasa Kedah di bawah pengaruh British dan juga semasa pendudukan Jepun di Kedah.⁵ Pelantikan penghulu di Kedah dilakukan oleh Pemegang Mukim atau Ketua Mukim. Pemegang Mukim diberikan hak oleh Sultan melalui ampun kurnia dan ini membolehkan beliau mengutip pelbagai hasil dari mukim tersebut. Negeri Pahang tidak mengamalkan sistem ini dan pelantikan Penghulu adalah secara langsung di bawah Sultan.

Secara keseluruhannya, penulisan penulis-penulis lepas kurang memberikan tumpuan kepada peranan, tugas dan hal ehwal pentadbiran mukim di bawah seseorang penghulu. Makalah ini menjelaskan pelbagai aspek dalam sistem pentadbiran penghulu mukim terutama dari segi perjawatan, tugas serta peranan seseorang penghulu yang tidak dijelaskan oleh penulis terdahulu.

Metodologi kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada fail-fail yang terdapat di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan juga Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang di Kuantan. Fail-fail yang terdapat dari koleksi Pejabat Sultan Pahang, Pejabat Tengku Besar Pahang, dan Pejabat Tanah Daerah Temerloh telah diperolehi dan dijadikan sebagai sumber rujukan utama. Kandungan fail-fail ini telah dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Kandungan dari fail ini telah menjelaskan pelbagai aspek dalam tugas dan tanggungjawab seseorang penghulu yang menjadi tumpuan utama makalah ini.

Dapatan kajian

Kedudukan Penghulu Mukim

Dalam tahun 1910, Skim Klasifikasi dan Gaji Penghulu Pahang membahagikan mukim dan penghulu kepada empat kelas. Penetapan kelas bagi penghulu dan mukim ini berdasarkan jumpa kutipan cukai dalam sesuatu mukim tersebut.

Jadual 1. Kedudukan Mukim dan Gaji Penghulu mengikut Kelas Mukim

Kelas Mukim	Kutipan Cukai setahun	Gaji Penghulu Mukim setahun
Kelas 1	Melebihi \$1000.00	\$480.00 hingga \$720.00
Kelas 2	\$750.00 hingga \$1000.00	\$420.00 hingga \$600.00
Kelas 3	\$500.00 ke \$750.00	\$300.00 hingga \$480.00
Kelas 4	\$200.00 hingga \$500.00.	\$180.00 hingga \$360.00

(Sumber: Pahang 1577/1910 Salaries of Penghulus 1911, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.)

Dari jadual 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa gaji seseorang penghulu itu bergantung kepada pendapatan kerajaan dari cukai sesebuah mukim yang ditadbir oleh penghulu tersebut. Mukim dalam kelas 1 yang menyumbang lebih dari \$1000.00 dalam bentuk cukai akan ditadbir oleh penghulu yang kelas 1 dengan gaji yang lebih tinggi dari kelas-kelas lain. Skim Klasifikasi dan Gaji Penghulu 1910 ini juga menetapkan penghulu diberi kenaikan gaji tahunan sebanyak \$60.00 setahun. Tanpa kebenaran daripada Resident-General, Penghulu tidak dibenarkan untuk mendapat kenaikan gaji sekiranya kenaikan gaji tersebut menjadikan jumlah gajinya melebihi 2/3 daripada cukai yang dipungut dalam mukim yang ditadbir oleh penghulu tersebut. Penghulu juga boleh dinaikkan pangkat ke kelas yang lebih tinggi dan menerima gaji permulaan bagi kelas yang baru dilantik atau menerima kenaikan \$60 dari gaji semasa (mana-mana kadar yang lebih tinggi).

Dalam senarai semua penghulu dalam Negeri Pahang pada tahun 1916, Penghulu telah dibahagikan kepada lima kelas iaitu Kelas 1 hingga 4 dan Tanpa Kelas. Pentadbiran Inggeris juga menetapkan bilangan maksimum bagi penghulu untuk setiap kelas iaitu Penghulu Kelas 1 tidak melebihi 13 orang, Kelas 2 – sembilan orang, Kelas 3 – 17 orang, Kelas 4 – 19 orang, dan tanpa kelas seramai sembilan orang. Pada tahun tersebut juga di Negeri Pahang terdapat seramai 64 orang penghulu dengan dua kekosongan.

Jadual. Bilangan Penghulu Negeri Pahang 1916

Daerah	Bilangan Penghulu
Lipis	17 (1 kekosongan)
Raub	9
Temerloh	17
Pekan	16 (1 kekosongan)
Kuantan	5

(Sumber: Disesuaikan dari List of Penghulus and Assistant Penghulus in Pahang 2.6.16, Arkib Negara Malaysia, Cawangan Pahang.)

Kedudukan penghulu bagi Jajahan Temerloh pada tahun 1916 adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3. Senarai Mukim dan Penghulu dalam Jajahan Temerloh, Tahun 1916

Mukim (Kelas)	Nama Penghulu	Umur (Tahun Berkhidmat)	Gaji Tahunan	Jumlah Kutipan Tahunan
Chenor (I)	Haji Husin Bin Awang	47 (10)	480.00	1984.50
	Wan Majid bin Wan Ngah (Penolong)	26 (5)	180.00	
Sanggang (I)	To' Muda Awang Noh bin Imam Prang Teh	37 (7)	480.00	1520.30
Semantan (II)	Mohamad bin Bahman	34 (4)	420.00	1631.60
Mentakab (II)	Bidin bin Kesah	28 (8)	420.00	1039.10
Jenderak (I)	Mohamed Yasin bin S'tan	32 (4)	480.00	1431.90

Kertau (II)	Mohamed Yusoh bin Haji Junit	39 (5)	420.00	905.40
Triang (I)	Sleyman bin Umbi	41 (5)	480.00	1294.10
Perak (I)	Ibrahim bin Kesah	31 (10)	480.00	1772.40
	Kassim bin Seman (Penolong Penghulu)	17 (1)	120.00	
Bukit S'Gumpal (III)	To' Muda Mat Akir bin Lasak	44 (11)	300.00	765.30
Bera (III)	To' Muda Midon bin To' Ngah	48 (16)	300.00	649.40
Lipat Kajang (IV)	To' Osman bin To' Dollah	35 (18)	180.00	324.90
Lebak (III)	To' Bakar bin Pandak	51 (20)	300.00	625.20
Bangau (III)	Khatib Budin bin Abubakar	59 (21)	300.00	569.90
Kerdau (III)	To' Muda Sidik bin Imam Tahir	52 (21)	300.00	868.70
Songsang (IV)	To' Muda Mat Dahan bin To' Bangau	42 (17)	180.00	399.00

(Sumber: Disesuaikan daripada List of Penghulus and Assistant Penghulus in Pahang, 2.6.16 Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang.)

Dari jadual di atas, Penghulu dalam Kelas I menerima gaji minimum \$480.00 manakala Penghulu Kelas 2 menerima gaji minimum \$300.00. Penghulu Kelas 3 menerima gaji tahunan \$300 dan Penghulu Kelas 4 menerima gaji \$180.00. Kadar gaji yang dibayar kepada Penghulu ini berkait rapat dengan kadar kutipan cukai tahunan setiap mukim yang ditadbir oleh Penghulu tersebut dan bukannya berdasarkan pengalaman atau jumlah tahun berkhidmat. Hal ini sangat jelas apabila terdapat tiga orang penghulu yang telah berkhidmat selama 20 tahun atau lebih tapi mempunyai gaji yang lebih rendah daripada penghulu yang baru berkhidmat.

Pihak pemerintah negeri telah mengeluarkan satu garis panduan iaitu Peraturan Penghulu-penghulu Dalam Pahang bermula pada 1 Januari 1934, penghulu dalam negeri Pahang telah dibahagikan kepada empat pangkat iaitu Pangkat Khas, Pangkat Pertama, Pangkat Kedua dan Pangkat Ketiga. Jawatan Penolong Penghulu pula cuma terdapat satu pangkat sahaja. Penghulu Pangkat Khas akan menerima gaji sebanyak \$1200.00 hingga \$1500 setahun (kenaikan gaji tahunan \$60.00). Penghulu Pangkat Pertama \$840.00 hingga \$1176.00 setahun (kenaikan gaji tahunan \$48.00) manakala penghulu Pangkat Kedua \$480.00 hingga \$720.00 setahun (kenaikan gaji tahunan \$30.00). Penghulu Pangkat Ketiga menerima gaji \$360.00 hingga \$540.00 setahun (kenaikan gaji tahunan \$30). Penolong Penghulu pula dibayar gaji sebanyak \$360 hingga \$540 setahun.⁶ Peraturan Penghulu-penghulu Dalam Pahang 1934 ini juga menetapkan penghulu dan penolong penghulu akan tidak boleh “ditetapkan dalam jawatan” sebelum perkhidmatan cukup dua tahun. Bagi pengiraan untuk persaraan, penghulu dan penolong penghulu perlu berkhidmat selama lima tahun dalam jawatan dan kerajaan berpuas hati dengan prestasi perkhidmatan penghulu dan penolong penghulu tersebut. Peraturan ini juga menjelaskan dengan terperinci mengenai kaedah bagi seseorang penghulu tersebut untuk dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi dan kaedah bagi menerima gaji yang lebih baik jika seseorang penghulu itu dinaikkan pangkat. Kemajuan kerjaya penghulu jelas dinyatakan dalam garis panduan ini.

Garis panduan ini juga turut menyenaraikan nama-nama mukim dalam negeri Pahang mengikut kelas-kelas yang ditetapkan. Jajahan Lipis terdiri dari empat mukim Pangkat Pertama, 11 mukim Pangkat Kedua dan empat mukim.⁷ Pangkat Ketiga. Jajahan Temerloh pula mempunyai tujuh mukim Pangkat Pertama, Pangkat Kedua, dan Pangkat Ketiga masing-masing empat mukim. Pengkelasan Mukim ini tidaklah bersifat kekal dan statik. Perbincangan telah diadakan dalam Disember 1933 mengenai mukim-mukim Pangkat Ketiga dalam Jajahan Temerloh untuk dinaikkan ke Pangkat Kedua. Perbincangan juga melihat kemungkinan untuk mencantumkan mukim supaya menjadi lebih besar dan dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi. Dalam perbincangan ini Mukim Bera dicadangkan supaya menjadi mukim kecil di bawah Mukim Kertau (Pangkat Kedua), manakala Mukim Bukit Segumpal dijadikan sub-mukim di bawah Mukim Chenor (Pangkat Pertama). Dalam hal ini jelas menunjukkan pentadbiran mukim oleh penghulu merupakan satu aspek yang penting dalam pentadbiran sesebuah jajahan dan sentiasa diambil berat oleh pemerintah negeri Pahang. Kedudukan

Mukim dan Penghulu yang mentadbir mukim sentiasa dikemaskini dan perubahan dilakukan bagi memantapkan pentadbiran jajahan dan mukim di Negeri Pahang.

Pada 1 Januari 1940 garis panduan yang dikeluarkan pada tahun 1934 iaitu Peraturan Bagi Penghulu-Penghulu Di dalam Negeri Pahang telah di perbaiki dan jawatan penghulu dibahagikan kepada lima darjah iaitu Darjah Khas, Darjah Satu, Darjah Dua dan Darjah Tiga serta Penolong Penghulu. Walau bagaimanapun, dari segi gaji yang diterima oleh penghulu adalah tidak berbeza dengan Peraturan tahun 1934 yang dinyatakan sebelum ini. Penghulu Darjah Khas masih dibayar gaji sebanyak \$1200.00 hingga \$1500.00 setahun. Penghulu Darjah Dua gaji sebanyak \$840.00 hingga \$1176.00 setahun. Penghulu Darjah Tiga pula dibayar sebanyak \$360.00 hingga \$540.00. Penolong Penghulu dibayar sebanyak \$360.00 hingga \$540.00 iaitu jumlah yang sama dengan Penghulu Darjah Tiga. Peraturan bagi penghulu tahun 1940 walaupun tidak berubah dari segi gaji namun peraturan ini buat pertama kali menetapkan bahawa permohonan sebagai penghulu adalah daripada orang Melayu Pahang, anak Melayu jati yang diperanakan di dalam negeri Pahang, dan berumur di antara 21 hingga 26 tahun. Pemohon juga hendaklah “memegang sijil sekolah Melayu yang sehabis-habis tinggi yang boleh diperolehi pada masa itu di sekolah tempat mereka itu belajar.”⁸ Peraturan tahun 1940 ini menjelaskan dengan panjang lebar mengenai permohonan, kaedah kenaikan pangkat, kedudukan mukim mengikut darjah-darjah seperti pada jawatan Penghulu, serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan perkhidmatan penghulu sebagai pegawai kerajaan negeri Pahang. Dalam tahun 1949, Pegawai Jajahan Temerloh telah menghantar surat kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang mencadangkan supaya Penghulu Mukim Sanggang Encik Mohamed bin Awang Noh dinaikkan pangkat kepada Darjah Khas. Cadangan Pegawai Jajahan Temerloh ini selaras dengan peraturan dalam skim penghulu yang membenarkan Pegawai Jajahan mencadangkan Penghulu yang berada dalam Darjah Satu untuk dinaikkan pangkat ke Darjah Khas dan “kenaikan itu hanya diberi kepada penghulu yang baik sekali pekerjaan biasanya hanyalah ditimbangkan manakala penghulu itu sudah sampai kepada gaji yang penuh bagi Darjah Satu”. Bilangan penghulu dalam Darjah Khas ini tidak lebih dari 6 orang pada satu-satu masa dan hanya diberikan kepada yang benar-benar layak. Dalam kes Penghulu Mukim Sanggang ini, En Mohamed merupakan penghulu yang paling kanan sekali dalam Jajahan Temerloh selepas Tok Muda Haji Awang. En Mohamed telah mencapai kemuncak Darjah Satu pada 1 Januari 1938 dan cadangan ini juga diutarakan sebagai balasan atas perkhidmatan yang diberikan kepada pasukan keselamatan semasa darurat berlaku. En Mohamed “selalu sahaja memberi perkhidmatan yang berharga kepada polis dan ia menjalankan dengan jayanya pekerjaan sulit di dalam mukimnya dan pekerjaan ini tersangatlah merbahaya kepada dirinya, dan lagi ia dengan berusaha menubuhkan dan menjaga pasukan perkawalan kampung di dalam mukimnya”.⁹

Penghulu juga kadangkala menerima pendapatan lain selain dari gaji sebagai Penghulu. Hal ini sebagai contoh, Penghulu Chenor menerima komisen atas kutipan cukai tanah Sultan (*Sultanate Land*) di mukimnya. Kutipan cukai dan lesen-lesen bagi tanah Sultan ini telah dilakukan oleh Penghulu dan anak-anaknya dan kemudian diserahkan kepada pihak Sultan. Penghulu Chenor menerima 5% dari hasil kutipan tersebut dan hal ini dipersetujui oleh pihak Sultan.¹⁰

Pelantikan Penghulu Mukim

Penghulu dilantik sebagai satu bentuk kepimpinan tradisional bagi sesebuah mukim. Pada zaman sebelum kedatangan Inggeris pelantikan penghulu adalah secara warisan dalam keluarga-keluarga tertentu di mukim tersebut. Penghulu Awang Noh dari Mukim Sanggang Temerloh telah memohon untuk berhenti dengan berpencen pada bulan April 1928 dan memohon supaya anaknya Mohamed bin Awang Noh menjadi pengganti beliau sebagai Penghulu Sanggang.¹¹ Mohamed bin Awang Noh kemudiannya dilantik sebagai Penghulu pada 1 Januari 1929. Mohamed sebelum itu merupakan seorang guru yang mendapat latihan dari Maktab Perguruan Melaka dan jawatan terakhir beliau adalah Guru Besar di Sekolah Melayu Pesagi, Chenor, Temerloh.¹² Pada 26 Januari 1929, Penghulu Bukit Segumpal, Temerloh juga telah memohon supaya anaknya Wan Mahmood menggantikannya sebagai Penghulu Mukim apabila beliau bersara.

Dengan campur tangan Inggeris, peraturan baharu telah merubah institusi ini dan tidak lagi menjadi satu warisan dalam satu-satu keluarga tertentu. Peraturan baharu yang diperkenalkan oleh Inggeris membolehkan rakyat biasa dilantik sebagai penghulu berdasarkan kepada pencapaian (*achieved status*). Sebagai tindak balas dalam cubaan pihak Inggeris untuk mengubah kaedah

pelantikan penghulu, pada 2 Mac 1933, penghulu dalam Daerah Temerloh telah menghantar petisyen kepada Pejabat Yang Maha Mulia Sultan Pahang bagi memohon supaya anak-anak penghulu ini dilantik sebagai penghulu bagi menggantikan mereka yang bersara. Seramai 14 orang penghulu dari 14 mukim dalam Jajahan Temerloh telah menandatangani surat tersebut. Permohonan ini dibuat memandangkan permohonan untuk jawatan penghulu akan dilaksanakan secara terbuka dan tidak lagi akan menjadi warisan dalam keluarga penghulu. Penghulu-penghulu ini menyatakan anak-anak mereka mengenali penduduk (dipanggil anak buah) dalam mukim dan tidak pernah melakukan sebarang kesusahan kepada kerajaan ataupun rakyat dalam mukim itu.

Pada tahun 1933 Penghulu Mukim Telang Jajahan Lipis iaitu Dato' Setia Muda Pahang Wan Ali bin Wan Chik telah memohon untuk bersara dan beliau memohon supaya adiknya Wan Abdullah bin Wan Chik yang berusia 25 tahun dilantik menggantikannya.¹³ Dalam suratnya Wan Ali menyatakan bahawa adiknya Wan Abdullah merupakan pembantu kepada beliau semasa bertugas sebagai Penghulu Mukim Telang sejak dari tahun 1927 lagi. Dalam tahun yang sama juga Penghulu Pahang Tua Che Muhd Amin bin Hidun telah bersara.¹⁴ Seramai tiga orang pemohon telah memohon bagi menggantikan Che Muhd Amin dan mereka adalah Che' Abu Bakar bi Yaakub, Che' Chik bin To' Muda Hidun dan Syed Muhammad bin Tuan Ngah. Dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Menimbang Hal-Hal Penghulu Di Dalam Negeri Pahang yang diadakan pada 30 September 1933, Syed Muhammad bin Tuan Ngah telah dipilih menggantikan Che Muhd Amin bin Hidun sebagai Penghulu Pahang Tua. Syed Muhammad bertugas sebagai Sub-Overseer di P.W.D. Pekan dan merupakan anak tempatan Mukim Pahang Tua. Pelantikan Syed Muhammad juga mengetepikan calon dari keluarga Penghulu sebelum ini iaitu Che' Chik bin To' Muda Hidun adik kepada Penghulu Che Muhd Amin.

Dalam tahun 1940an, pentadbiran Inggeris telah menetapkan pelantikan penghulu-penghulu mukim dengan menetapkan syarat seperti 'kelayakan setempat', keturunan yang baik dan kebolehan yang menyeluruh.¹⁵ Dalam pelantikan Penghulu Sanggang pada tahun 1956, Encik Abdul Hamid bin Awang Noh yang dilantik sebagai Penghulu II, merupakan seorang 'Junior Technician' di Pejabat Jurutera Parit dan Saliran. Beliau dari keluarga penghulu yang merupakan anak bongsu kepada Penghulu Awang Noh bin Imam Perang Teh. Sebelum ini abang kepada Abdul Hamid iaitu Mohamed bin Awang Noh juga merupakan Penghulu Sanggang. Permohonan jawatan Penghulu oleh Encik Abdul Hamid telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada 13 Disember 1955. Pelantikan Penghulu Abdul Hamid jelas memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pentadbiran Inggeris pada masa tersebut yang tidak mengetepikan unsur pengaruh keluarga dalam jawatan tersebut.

Penguatkuasaan Undang-Undang dalam Mukim

Selain berkhidmat sebagai pentadbir dan penyampai maklumat kepada penduduk kampung, penghulu mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang dalam mukim yang ditadbir oleh beliau. Dalam hal ini, penghulu boleh membicarakan mana-mana perkara yang tuntutannya tidak melebihi \$50 serta pihak yang terlibat adalah dari bangsa Melayu atau lain-lain 'bangsa Asia' yang faham bahasa Melayu.¹⁶

Penghulu juga boleh membicarakan kesalahan-kesalahan jenayah seperti dalam senarai di bawah dan boleh menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi \$25.00. Walau bagaimana pun perbicaraan ini adalah terhad kepada orang-orang Melayu sahaja. Antara kesalahan yang boleh dibicarakan ialah:

1. Seksyen 4 bagi undang-undang kedatangan ke sekolah (bab 161)
2. Seksyen 3 dan 13 dan 15 bagi undang-undang kesalahan orang-orang Islam (Undang-undang Pahang bilangan 6 tahun 1937)
3. Seksyen 3 dan 4 dan 5 dan 11 bagi mendaftarkan nikah dan cerai bagi orang-orang Islam (bab 197)
4. Peraturan tanah bilangan 53 dan 54 bagi tahun 1930
5. Seksyen 6 dan 10 bagi undang-undang kerbau (bab 194)
6. Seksyen 11 dan 12 bagi undang-undang bertanam cacar (bab 187)
7. Seksyen 10 bagi undang-undang kesalahan yang kecil-kecil (bab 46)¹⁷

Penghulu juga berkuasa menguatkuasakan “undang-undang dan adat peraturan negeri” berkenaan dengan peraturan mencari hasil di hutan, sungai dan laut. Penghulu juga berkuasa memeriksa surat kebenaran bagi menjalankan sesuatu kerja dalam mukimnya dan berkuasa menangkap orang-orang yang tidak mempunyai kebenaran ataupun surat kebenaran telah tamat tempoh dan menyerahkannya kepada pihak ‘rumah pasung’ (polis) ataupun kepada pegawai daerah. Penghulu juga perlu memaklumkan kepada pegawai daerah sekiranya tanah di dalam mukimnya terdapat galian seperti timah atau emas. Jika penghulu mendapati terdapat aktiviti melebur bijih timah atau emas tanpa surat kebenaran, penghulu perlu melaporkan aktiviti tersebut kepada pegawai daerah.

Isu-isu dalam Pentadbiran Tanah Tempatan

Negeri Pahang, sebagaimana Negeri-Negeri Melayu lain turut mempunyai tanah rizab Melayu atau *Malay Reservation*. Dalam tahun 1941 keluasan tanah Rizab Melayu adalah seluas 584,655 ekar dan ini tidak termasuk kawasan pulau-pulau gugusan Tioman yang seluas 211 batu persegi.¹⁸ Kawasan Rizab Melayu yang paling luas adalah terletak dalam jajahan Temerloh iaitu kawasan Senyum-Jempul yang berkeluasan 116,000 ekar. Jajahan Temerloh juga mempunyai paling luas tanah Rizab Melayu iaitu seluas 303,270 ekar dan di ikuti oleh Jajahan Lipis seluas 154,782 ekar. Pada bulan Oktober 1941, pembinaan jalan raya dari Temerloh ke Maran telah melibatkan kawasan rizab Melayu Senyum-Jempul. Pihak Pejabat Daerah Temerloh telah mencadangkan kawasan dua kawasan lain seluas 28 ribu ekar sebagai ganti dan sebanyak 12 ribu ekar untuk dibuka kepada kaum bukan Melayu. Di samping itu kawasan Senyum-Jempul juga bersempadan dengan Jalan Benta – Kuantan di Batu 93 dan 106 yang juga merupakan sebahagian daripada Kawasan Simpanan Bukit Segumpal.¹⁹ Pihak pentadbir tanah Negeri Pahang juga mencadangkan beberapa kawasan kecil lain dijadikan kawasan rizab Melayu.

Dalam tahun 1939 terdapat 949 permohonan yang masih belum selesai di Jajahan Temerloh. Manakala dalam tahun 1940 sebanyak 2220 permohonan tanah telah diterima dan sebanyak 1411 permohonan telah diluluskan. Dalam tahun 1941 Pentadbiran Pejabat Tanah Temerloh adalah dibawah seliaan Penolong Pegawai Daerah. Di Pejabat Tanah Temerloh juga terdapat 4 orang ‘*Settlement Officer*’ atau SO (Pegawai Petempatan).²⁰

Tugas penghulu yang paling utama dalam mukim adalah berkaitan dengan tanah termasuklah kutipan cukai tanah, memastikan tanah diusahakan, menyampaikan segala arahan berkaitan dengan tanah dan sebagainya. Penghulu juga bertanggungjawab sebagai jurucakap kepada pihak kerajaan. Penghulu menyampaikan dan menghebahkan urusan tanaman padi, menghebahkan tentang undang-undang hutan, hasil hutan, pas senapang, passport haji,²¹ dan hasil tanah.

Pada musim menanam padi, penghulu juga memastikan penduduk di bawah jagaannya menanam padi sebagaimana yang diarahkan. Mesyuarat juga diadakan bagi penghulu-penghulu sesebuah jajahan bagi menetapkan tarikh bagi menanam padi. Mesyuarat ini selaras dengan Seksyen 7 Enakmen Pengeluaran Makanan 1918.²² Di bawah enakmen ini Timbalan Pengarah Pengeluaran Makanan telah menetapkan tarikh seperti berikut:

Jadual 2. Tarikh dan Aktiviti Penanaman Padi bagi Negeri Pahang tahun 1923

Tarikh	Aktiviti
28 Februari hingga 7 April	Mula membersihkan tapak semaian
8 April hingga 1 Mei	Mula menyemai di tapak semaian
2 Mei hingga 27 Mei	Memagar sawah padi
28 Mei hingga 8 Ogos	Memindahkan anak padi dari tapak semaian ke sawah
9 Ogos	Proses pemindahan selesai

(Sumber: Disesuaikan daripada 23/1923 Meeting of Penghulus to settle dates for cultivation of padi. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.)

Arahan kepada penghulu mengarahkan anak buah atau penduduk kampung bertanam padai ini juga selaras dengan surat kuasa dari kerajaan kepada penghulu yang menyatakan “pada musim tanam padi hendaklah ia suruh segala anak buahnya tanam padi dan mengikut segala peraturan yang tersebut di dalam undang-undang fasal tanam padi dan berusaha mengajar dan nasihatkan anak buahnya tanam

padinya dengan seberapa daya upayanya adanya”.²³ Pada amnya penghulu bertugas menolong dan menasihati mengenai hal yang biasa seperti mencuci batas, menyelesaikan perkelahian yang timbul dari ternakan anak buah dan tidak memotong rumput di bendang. Kebiasaannya arahan penghulu untuk membaiki parit atau membersihkan batas akan dipatuhi oleh anak buah kerana mereka merasa malu atau terhina jika tidak mentaatinya.²⁴

Penghulu akan mengambil tindakan dengan melaporkan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan penanaman padi. Pada 30 Jun 1934 Penghulu Mukim Songsang telah melaporkan kepada Pegawai Daerah Temerloh mengenai 11 buah paya yang masih belum ditanam dengan padi.²⁵ Laporan secara terperinci termasuklah mengenai nama pemilik, keluasan paya, tempat paya tersebut serta alasan mengapa paya-paya tersebut tidak diusahakan telah disampaikan oleh Penghulu. Selain dari melaporkan kepada Pegawai Daerah mengenai paya-paya dalam mukim yang ditadbir oleh seseorang penghulu, penghulu kemudiannya berperanan menyampaikan surat saman kepada mereka yang tidak mematuhi arahan untuk bertanam padi. Penghulu Mukim Sanggang pada 27 Julai 1934 telah memaklumkan kepada Majistret Temerloh bahawa saman No 233 dan 234/34 Tanah Paya E.M.R. 766 dan 767 di atas nama Mohamed bin Bidin tidak dapat dijalankan kerana beliau telah meninggal dunia. Tanah milik Mohamed bin Bidin tersebut telah diwarisi oleh warisnya namun nama-nama waris tersebut masih belum dimasukkan ke dalam geran tanah.²⁶ Penghulu Mukim Sanggang juga menyenaraikan terdapat 19 bidang tanah paya yang dimiliki oleh 23 orang penduduk Mukim Sanggang tidak dijayakan dalam tahun 1934. Terdapat juga pemilik yang telah disaman dalam tahun sebelumnya tetapi masih tidak menjayakan paya-paya mereka.

Penghulu juga memainkan peranan sebagai orang tengah dalam menyampaikan permohonan penduduk kampung bagi mengusahakan tanah. Pada 2 Ogos 1934 Penghulu Mukim Sanggang, Mohamed bin Awang Noh telah menulis surat kepada Pegawai Daerah Temerloh memaklumkan permohonan penduduk kampung yang ingin menanam tebu di rizab padang kerbau di Kampung Badok. Penghulu memberikan sokongan atas permintaan ini kerana ia merupakan salah satu cara pembukaan tanah rizab padang kerbau tersebut. Penduduk akan meneroka tanah tersebut bagi tanaman tebu dan selepas tebu habis dituai, tanah tersebut akan ditumbuhi rumput bagi makanan kerbau.²⁷ Penghulu kemudiannya memaklumkan kepada ‘Collector of Land Revenue’ pada 29 Oktober bahawa beliau telah mengukur tanah tersebut yang telah dilesenkan kepada Imam Kia bin Da seluas 2 ekar dan Sulaiman bin Mohamed seluas 1 ekar.²⁸ Penghulu juga berperanan memantau perkembangan permohonan ini dan pada 17 Januari 1935 melaporkan kepada *The Collector of Land Revenue* bahawa tanah tersebut telah diusahakan dengan tanaman pokok-pokok tebu.²⁹ Dalam tahun 1937, isu mengenai padang ragut bagi Kerbau terus mendapat perhatian kerajaan negeri Pahang. Satu polisi telah diluluskan mengenai padang ragut kerbau dan polisi tersebut menyatakan:³⁰

- i. Pemilihan kawasan padang ragut dengan berhati-hati
- ii. Menghapuskan kawasan yang tidak sesuai dan kawasan yang berlebihan.
- iii. Memajukan dengan perlahan-lahan dua atau tiga kawasan di setiap daerah dalam setahun dengan harapan untuk kejayaan
- iv. Mewartakan dan mengukur tanah dengan perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan.
- v. Pembangunan dengan cara membersihkan tanah, menanam rumput makanan ternakan dan memagar dilakukan oleh penduduk dan sebagai balasan penduduk dibenarkan untuk mengambil tanaman kontan sementara kerja-kerja tersebut dijalankan.
- vi. Menggunakan Seksyen 7 sekiranya perlu. Hal ini perlu diletakkan sebagai latar belakang.

Lazimnya permohonan tanah perlu disertakan dengan bayaran-bayaran tertentu. Di antara bayaran yang perlu dijelaskan ialah bayaran premium tanah, sewa, yuran mengukur tanah (*survey*), tanda sempadan, dan yuran pejabat. Bayaran ini perlu dilakukan setelah permohonan tanah diluluskan oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh, permohonan tanah oleh Penghulu Mohamed bin Awang Noh dalam tahun 1938 telah dikenakan bayaran premium sebanyak \$45.00, yuran mengukur tanah \$25.00, batu tanda sempadan \$3.00 dan yuran pejabat \$1.00 menjadikan keseluruhannya \$74.00.³¹

Penghulu juga perlu memberikan laporan beliau dalam setiap permohonan tanah oleh penduduk kampung. Laporan yang diberikan oleh Penghulu adalah berdasarkan soalan-soalan yang terdapat dalam borang laporan permohonan tanah.³² Antara yang perlu dijawab oleh penghulu adalah soalan mengenai latar belakang pemohon, pemilikan tanah sedia ada oleh pemohon dan pasangannya, latar belakang mengenai tanah yang dimohon serta keupayaan pemohon untuk menjayakan dan

membangunkan tanah tersebut. Dalam permohonan tanah oleh Mustapha bin Nain yang memohon tanah sebanyak 3 ekar di Paya Lulai, Mukim Sanggang, Temerloh, Penghulu Sanggang Mohamed bin Awang Noh menyatakan bahawa pemohon yang berusia 42 tahun bersama isterinya tidak memiliki sebarang tanah. Tanah yang dimohon adalah kawasan belukar dan pernah ditanam dengan padi sebelum ini namun tanah tersebut telah kembali menjadi hak milik kerajaan, dan pemohon merupakan orang yang paling sesuai diberikan tanah tersebut kerana pada pendapat penghulu pemohon berupaya menjayakan tanah tersebut dan pemohon juga merupakan anak kelahiran Mukim Sanggang.

Dalam fasal yang ke 12, kuasa dari kerajaan kepada penghulu, penghulu hendaklah “menyatakan pada sekalian anak buahnya atau di dalam masjid atau surau atau di dalam rumah masing-masing apabila kelak ditentukan hari orang hendak mengutip hasil di dalam mukim”³³. Penghulu telah menjalankan tugasnya sebagai penyampai maklumat mengenai kutipan cukai hasil tanah dan melaporkan kepada *Collector of Land Revenue* Temerloh bahawa beliau telahpun menampalkan notis mengenai kutipan cukai tanah di Pejabat Penghulu Sanggang dan Kedai Sanggang. Beliau juga telah pergi menampal notis beberapa kampung di bawah jagaanya seperti di Surau Kg Bintang, Masjid Seberang Sanggang, Masjid Badok, surau Lubok Kawah, Surau Berhala Gantang dan Masjid Telok Sentang. Notis ini bagi memberitahu penduduk mengenai tarikh kutipan cukai hasil tanah. Pada 1 Mac 1934 jumlah kutipan cukai hasil tanah yang diperolehi untuk Mukim Sanggang adalah berjumlah \$908.20. Manakala kutipan pada 5 Mac 1934 adalah berjumlah \$1074.80 dan kutipan pada 6 Mac 1934 adalah berjumlah \$967.60. Jumlah keseluruhan kutipan cukai untuk Jajahan Temerloh yang dipungut dalam tempoh bermula 17 Feb 1934 hingga 20 Mac 1934 adalah berjumlah -27808.18.³⁴ Hal ini juga berkait dengan fasal ke -13 iaitu penghulu perlu “bersama-sama mengikut tuan yang menjaga daerah itu mengutip hasil-hasil” tanah dari penduduk mukim.

Selain daripada permohonan tanah, Penghulu juga berperanan membantu pihak Pentadbir Tanah dalam mengurangkan nama-nama yang terdapat pada sebidang tanah. Dalam tahun 1935, Penghulu Mukim Sanggang telah diminta untuk mengurangkan nama ke atas tanah E.M.R. 94 Lot 72 dalam Mukim Sanggang yang mempunyai nama 19 orang. Tanah tersebut akhirnya diberikan kepada empat orang sahaja.³⁵ Langkah mengurangkan penama ini diambil oleh pihak pentadbir tanah bagi memudahkan urusan mengenai tanah tersebut. Penghulu telah mengenal pasti semua nama-nama yang disenaraikan dan mendapati beberapa nama adalah merujuk kepada orang yang sama.

Penghulu juga bertanggungjawab melaporkan penggunaan tanah dalam mukim yang ditadbir oleh seseorang penghulu tersebut. Penghulu Mukim Sanggang melaporkan perincian penggunaan tanah dalam mukim dengan mengisi borang ‘Return L’ pada awal bulan Januari 1934.³⁶ Laporan yang terperinci mengenai penggunaan dan hasil tanah bagi Mukim Sanggang adalah seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 3. Penggunaan Tanah dan Hasil Pertanian Mukim Sanggang, 1935

Jenis Tanaman	Keluasan Ekar	Jumlah Hasil	Nilai / Harga
Padi Paya	1191	178650 gantang	\$8 (100 gantang)
Padi Ladang	-	-	-
Tebu*	8	-	-
Ubi Kayu	-	-	-
Kopi*	4	-	-
Getah (Para)	754	3393 pikul	\$ 21 (1 pikul)
Getah (Rambong)	-	-	-
Kelapa	341	680 000 biji	\$2.50 (100 biji)
Kelapa Bali (Kelapa Sawit)	-	-	-

(Sumber: Disesuaikan daripada 935-34 Return L Showing approximately the area of land under cultivation on 1st January 1935 with the nature of cultivation the yield and value. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.)

Dalam urusan pentadbiran tanah, Penghulu juga berperanan menyelesaikan kekeliruan yang berlaku dalam hal pemilikan tanah. Pada 23 Februari 1935, *Collector of Land Revenue*, Temerloh telah meminta Penghulu Mukim Sanggang berunding dengan pemilik tanah E.M.R 94 lot 472 kerana terdapat 19 nama dalam geran tersebut.³⁷ Penghulu diminta untuk menganjurkan muafakat dengan pemilik-pemilik bagi mengurangkan nama pemilik kepada tanah tersebut. Satu perjumpaan dengan

tuan-tuan tanah tersebut telah diadakan pada 10 Mac 1935, setelah diselidiki oleh Penghulu dan tuan tanah, terdapat pemilik yang sama didaftarkan dua kali disebabkan perbezaan ejaan pada nama mereka. Persetujuan telah dicapai dan tanah tersebut akhirnya hanya tinggal menjadi milik 4 penama sahaja. Perkara ini telah diselesaikan apabila 'Collector of Land Revenue, Temerloh' menulis kepada penghulu dan meminta empat penama tersebut hadir bagi mengambil kupon di Sanggang pada 16 Julai 1935. Penyelesaian isu-isu sebegini hanya boleh dilakukan oleh penghulu yang berwibawa dan dihormati oleh penduduk kampung di bawah pentadbiran penghulu tersebut.

Selain dari isu nama pemilik yang terlalu ramai dalam sesuatu geran, isu lain yang sering timbul ialah mengenai penukaran syarat tanah. Tanah-tanah yang dimiliki oleh seseorang mempunyai syarat tertentu seperti untuk tanaman padi, tanaman getah ataupun sebagai kebun buah-buahan. Urusan penukaran syarat tanah ini juga memerlukan penglibatan penghulu selaku penghubung diantara penduduk kampung dan pihak pemerintah negeri. Penghulu Mukim Sanggang pada 10 November 1934 memaklumkan kepada *Collector of Land Revenue* beliau telah mengutip wang sebanyak \$46 dari Khatib Taib bin Awang Ahmad kerana mengubah syarat perjanjian tanaman tanahnya iaitu dengan menanam getah di atas tanah yang sepatutnya ditanam kelapa dan pokok buah-buahan lain.³⁸ Khatib Ahmad sebelum itu pada 29 Oktober 1934 telah menghantar petisyen kepada Residen British di Kuala Lipis merayu mengenai kes beliau yang tidak mampu untuk membayar premium sebanyak \$15.00 seekor bagi menukar syarat tanah tersebut kepada tanah untuk tanaman getah. Khatib Taib memaklumkan kepada Residen Inggeris bahawa beliau membeli tanah tersebut yang sememangnya telah ditanam dengan getah oleh pemilik sebelumnya iaitu Talib bin Uda. Tanah seluas 2 ekar 3 rod dan 10 pol itu dibeli oleh Khatib Taib dengan harga \$115.00. Khatib Taib tidak mengetahui mengenai kesalahan yang dilakukan oleh pemilik asal tanah tersebut kerana beliau seorang yang buta huruf dan tidak tahu membaca atau menulis.

Selain dari urusan pentadbiran tanah, Penghulu juga terlibat dalam urusan-urusan pembangunan infrastruktur dalam mukim yang ditadbir oleh mereka. Hal ini terutama pembangunan dan pembinaan jalan-jalan kecil dalam mukim serta jambatan. Pihak pejabat daerah menyerahkan atas budi bicara penghulu mukim untuk mengenal pasti keperluan yang dirasakan mustahak dan berfaedah bagi kegunaan dan kebajikan penduduk kampung dan mukim di bawah pentadbiran penghulu tersebut. Dalam hal ini, Penghulu Mukim Sanggang telah melakukan lawatan bagi melihat jambatan yang dibina oleh Osman bin Ngah dan melaporkan kepada Tuan Pegawai Jajahan bahawa jambatan tersebut telah siap dibina sebagaimana yang dikehendaki.³⁹ Penghulu Mukim Sanggang juga terlibat dalam pembinaan jambatan Sungai Paya Dahilir yang dibina dalam tahun 1939 dengan kos perbelanjaan sebanyak \$130.00. Di samping itu, Penghulu juga bertugas "memeriksa sekalian kampung-kampung dan sungai-sungai parit-parit tali air dan empang dan segala jalan-jalan dan gertak-gertak dan jambatan di dalam mukim".⁴⁰ Lawatan ke kampung-kampung dalam mukimnya merupakan suatu tugas yang perlu dilakukan oleh penghulu bagi memastikan penghulu mengenali anak buahnya serta mengenal pasti keperluan dan masalah yang berlaku dalam kampung-kampung tersebut.

Penghulu dan Pendidikan

Selain dari mengendalikan urusan tanah, penghulu juga turut terlibat dalam pemilihan dan pelantikan guru bagi mengajar al-Quran di sekolah kerajaan dalam mukimnya. Pada 5 Mei 1926, Penghulu Awang Noh dari mukim Sanggang telah menulis surat yang menyatakan beliau telah bermesyuarat dengan orang-orang tua di kampungnya dan bersetuju untuk melantik Imam Jaafar bin Abu Bakar sebagai guru mengajar al-Quran. Penghulu Awang Noh juga menjelaskan dalam suratnya bahawa pelantikan ini telah mendapat persetujuan Tuan Kadhi Jajahan Temerloh dan yang telah 'memeriksa ilmu' Imam Jaafar dan melayakkan Imam Jaafar sebagai guru Quran.⁴¹

Pendidikan Quran merupakan sesuatu yang penting dan Penghulu merupakan pemantau kepada kegiatan tersebut di kawasan mukim yang ditadbir oleh seseorang penghulu tersebut. Dalam bulan Julai 1940, Penghulu-penghulu dan pegawai-pegawai kerajaan telah melakukan lawatan ke sekolah-sekolah Quran dalam jajahan Temerloh. Lawatan oleh Penghulu ke sekolah Quran dilakukan dengan kerap. Penghulu Mukim Sanggang sebagai contoh telah melawat sekolah Quran di Sanggang pada bulan Jun, Ogos dan September 1940.⁴² Dalam lawatan tersebut penghulu telah melaporkan jumlah kehadiran murid dan keadaan di sekolah Quran yang dilawatinya. Tindakan penghulu

memantau kegiatan sekolah Quran ini kemudiannya menjadi sebahagian daripada kuasa penghulu sebagaimana dalam fasal yang ke-20 kuasa daripada kerajaan iaitu penghulu hendaklah “berusaha juga menyuruh sekalian kanak-kanak mengaji sekolah serta membicarakan segala pengaduan kedatangan kanak-kanak yang kurang daripada 50 peratus di dalam sebulan”⁴³

Penghulu juga berperanan mencari dan mendapatkan orang yang sesuai bagi menjadi guru Sekolah Quran di kampung mereka. Pada 17 Julai 1941, Pejabat Pelajaran Sekolah-Sekolah Quran di Pekan Pahang telah menghantar surat kepada Penghulu Mukim Sanggang bagi memaklumkan Tuan Haji Ibrahim guru Sekolah Quran Sanggang akan berhenti pada akhir bulan Disember 1941 kerana umurnya telah lanjut.⁴⁴ Penghulu diminta untuk mencari pengganti kepada Tuan Haji Ibrahim. Pengganti tersebut dinyatakan mestilah berumur di bawah 35 tahun. Surat yang dihantar oleh Pejabat Pelajaran Sekolah-Sekolah Quran juga menyertakan borang bagi diisi oleh pemohon. Pada 5 Ogos 1941 borang permohonan daripada empat orang pemohon telah dihantar kepada Qadi Temerloh yang juga merupakan Ahli Jawatan Kuasa Sekolah-Sekolah Quran Pahang untuk dinilai dan dipilih sebagai guru Sekolah Quran Sanggang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, institusi Penghulu Mukim merupakan satu institusi yang sangat penting dalam pentadbiran negeri Pahang sebelum dan selepas campur tangan Inggeris di negeri tersebut. Selepas campur tangan Inggeris, pentadbiran negeri diperkemaskan dan institusi Penghulu Mukim turut menerima kesan dari tindakan ini. Penghulu dan mukim yang ditabir di kelaskan kepada beberapa gred dan gaji penghulu juga diselaraskan. Justeru itu jawatan penghulu yang pada asalnya jawatan dalam pemerintahan tradisional telah berubah menjadi pegawai kerajaan dalam pentadbiran moden Negeri Pahang.

Penghulu yang dilantik merupakan seorang yang berpengetahuan dan dihormati oleh masyarakat setempat. Pada zaman tradisional jawatan penghulu kebiasaannya diwarisi dari bapa kepada anak lelaki namun perkara ini telah mula berubah selepas Pahang berada di bawah Inggeris. Jawatan penghulu mula dibuka kepada mereka yang berpendidikan namun begitu pertimbangan tetap diberikan kepada calon dari keluarga penghulu yang bersara terutama yang memenuhi syarat dan berpengalaman membantu bapa mereka bertugas sebagai penghulu. Perubahan yang berlaku dalam pelantikan penghulu ini walau bagaimana pun masih mengekalkan ketradisionalan jawatan penghulu melalui keutamaan tetap diberi kepada waris penghulu bagi menjawat jawatan tersebut.

Penghulu memainkan peranan yang penting sebagai penghubung di antara kerajaan terutamanya dari Pejabat Tanah dan Daerah dengan penduduk setempat. Sebarang hebahan dan pengumuman dari pihak berkuasa akan disampaikan oleh penghulu kepada anak buah beliau. Penghulu juga bertindak mendapatkan maklumat dan melaporkan perkara-perkara yang diminta oleh pihak berkuasa. Hal ini terutamanya dalam pembangunan dan pentadbiran tanah tempatan, ekonomi, keselamatan dan juga pembangunan kemudahan di kampung.

Di samping itu penghulu juga melibatkan diri dalam hal ehwal pendidikan dan bertindak memastikan institusi pendidikan seperti sekolah berjalan lancar. Penghulu melakukan lawatan dan melaporkan keadaan sekolah terutama dari segi kehadiran murid dan guru-guru di sekolah tersebut. Sekolah Quran juga mendapat perhatian daripada kerajaan dan penghulu bertindak memantau perjalanan sekolah tersebut melalui lawatan yang diadakan. Penghulu juga berkuasa mencadangkan nama-nama penduduk tempatan untuk dilantik sebagai guru Sekolah Quran di mukim yang ditadbir oleh mereka.

Secara keseluruhannya, tugas dan tanggungjawab penghulu merupakan satu tugas yang sangat penting pada zaman pentadbiran Inggeris di Pahang. Kepentingan jawatan penghulu ini jelas dengan tindakan kerajaan yang sentiasa menambahbaik skim perkhidmatan penghulu dan penghulu merupakan ‘jambatan penghubung’ di antara penduduk kampung dan mukim dengan unit pentadbiran yang lebih tinggi iaitu pada peringkat daerah atau jajahan dan juga di peringkat negeri.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Geran Bridging Insentif, Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan bagi menjalankan kajian ini.

Rujukan

- 10/1934 *Collection of Land Rents in Temerloh District of the Year 1934*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 1006/24 *Passport to Mecca Issued in 1923, Pejabat Daerah Temerloh 1920*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 102/1933 *Menambahkan Hal Ehwal Berkenaan Dengan Penghulu*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 102/41 *Fasal Mencari Pengganti Haji Ibrahim bin Haji Ahmad sebagai Guru Sekolah Quran Sanggang pada Januari 1942*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 109/40 *Salinan Lawatan Penghulu dan Pegawai-pegawai Kerajaan ke Sekolah Quran Di Dalam Jajahan Temerloh*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
2011. *Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- 23/1923 *Meeting of Penghulus to Settle Dates for Cultivation of Padi*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 365-39 *Constructions and Repairs to Bridges and Bridle-Paths, Mukim Sanggang 1939*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 447/1934 *Reports for Failure to Cultivate Padi on Paya Lands in Mukim Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 45/1925 *Menghantar Permohonan Daripada En. Awang Noh Penghulu Sanggang minta kerajaan mengadakan guru di Sekolah Melayu Mukim Sanggang Temerloh, Pejabat Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 535/1934 *Application For "Conversion" Of Land Held Under EMR No 1729 Lot 1826 Mukim of Sanggang*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 6/1934 *Office Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 628-34 *Replacement of of Extract for E.M.R. 94 lot No.472 Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 808/1941 *Reports of Inspection of Temerloh Land Office During 1941*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 83/1933 *Peraturan Jawatan (Skim) Penghulu-Penghulu Bagi Tahun 1934*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- 935-34 *Return L Showing Approximately the Area of Land Under Cultivation on 1st January 1935 with the Nature of Cultivation the Yield And Value*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Abdullah Hj Bahari. (1979). Kedudukan Penghulu di Pahang Sebelum Merdeka, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 07. 145-158.
- Gopinath, A. (1993). *Sejarah politik Pahang 1880-1935*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- L.O.T. 1115/1938 *Applies Of 3 Acres of Land at To' Apas In The Mukim Of Sanggang For Planting Rubber*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- L.O.T. 628-34, *Replacement of Extract for E.M.R. 94 Lot 472 Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Lot 79-40 *Applies For 3 Acres of Land at Paya Lulai Mukim of Sanggang, For the Purpose of Planting Padi*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

- Mohd Isa Othman. (2012). Pentadbiran Mukim, 1909 -1957. In Abdullah Zakaria dan Mardiana Nordin (Eds), *Kedah Warisan dan Sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, 182-204.
- Mohd Samsudin. (2010). Pahang Sekitar Abad Ke 19 Menurut Pandangan Pegawai-pegawai British. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, 37. 105-121.
- Pahang 1321/1941, *Rescission of The Senyum-Jempol and Bukit Segumpal Malay Reservations and Constitution of A New Reservation*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Pahang 1524/1941, *Requests Number of Malay Reservations in Pahang with Names, Acreage Etc*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Pahang 940/1937 *Collections of Rents on Sultanate Lands in The Mukim of Chenor*, Arkib Negara Malaysia. Kuala Lumpur
- Pahang 955/1937, *Grazing Grounds in Pahang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Pejabat Sultan Pahang 1987/0001872C, *Mohon Berhenti Dengan Berpencen, II. Mohonkan anaknya Mohamad bin Awang Noh menggantikan anaknya*. Arkib Negara Malaysia, Cawangan Pahang.
- T.A.B. No 42/49 *Cadangan Daripada Tuan Pegawai Jajahan Temerloh Supaya Dinaikkan Encik Mohamed bin Awang Noh, Penghulu Sanggang kepada Darjah Khas*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tanah Temerloh 1933-1936 280/34 *Recovery of Extracts Where Lands Are Reverted to State of Sold for Recovery Of Arrears Of Rent Mukim Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Tanah Temerloh 1933-1936 565/34 *Seeks Permissions on Behalf His 'Anak Buah' To Plant Sugarcane Under Free Licence in The Buffalo Grazing Ground Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Nota Akhir

- ¹ Pada zaman penjajahan Inggeris, Daerah dipanggil Jajahan. Makalah ini akan menggunakan kedua-dua istilah ini secara bertukar ganti mengikut penggunaan dalam sumber yang dirujuk.
- ² Panduan Sumber Bahan-Bahan Sejarah Negeri Pahang, Arkib Negara Malaysia, 2011.
- ³ Abdullah Hj Bahari, Kedudukan Penghulu di Pahang Sebelum Merdeka, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 07-08. ms. 145-158.
- ⁴ Mohd Samsudin, "Pahang Sekitar Abad Ke 19 Menurut Pandangan Pegawai-pegawai British" *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, & Strategic Studies*, Vol. 37, 2010. ms. 105-121.
- ⁵ Mohd Isa Othman, 2012. "Pentadbiran Mukim, 1909-1957", *Kedah Warisan dan Sejarah*, Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, ms 182-204.
- ⁶ 6/1934 *Office Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁷ Ibid
- ⁸ 83/1933 *Peraturan jawatan (skim) penghulu-penghulu bagi tahun 1934*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁹ T.A.B. No 42/49 *Cadangan daripada Tuan Pegawai Jajahan Temerloh supaya Dinaikkan Encik Mohamed bin Awang Noh, Penghulu Sanggang kepada Darjah Khas*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ¹⁰ Pahang 940/1937 *Collections of rents on Sultanate Lands in the mukim of Chenor*, Arkib Negara Malaysia.
- ¹¹ Pejabat Sultan Pahang 1987/0001872C, *Mohon Berhenti Dengan Berpencen, II. Mohonkan anaknya Mohamad bin Awang Noh menggantikan anaknya*. Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang.
- ¹² L.O.T. 1115/1938 *Applies of 3 acres of land at To' Apas in the Mukim of Sanggang for planting rubber*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ¹³ 102/1933 *Menambahkan Hal Ehwal Berkenaan Dengan Penghulu*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- ¹⁴ Ibid
- ¹⁵ Abdullah Hj Bahari, Kedudukan Penghulu di Pahang Sebelum Merdeka, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 07-08. ms. 145-158.
- ¹⁶ 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ¹⁷ Ibid
- ¹⁸ Pahang 1524/1941, *Requests Number of Malay Reservations in Pahang with names, acreage etc*. Arkib Negara Malaysia
- ¹⁹ Pahang 1321/1941, *Rescission of the Senyum-Jempol and Bukit Segumpal Malay Reservations and constitution of a new reservation*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

-
- ²⁰ 808/1941 *Reports of Inspection of Temerloh Land Office during 1941*, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur
- ²¹ Pada 21 November 1924, Penghulu Mukim Sanggang memaklumkan kepada Tuan District Officer Temerloh bahawa passport empat orang anak buahnya tidak dikembalikan kerana mereka telah meninggal dunia dan passport mereka telah 'diambil oleh orang di Judah' rujuk 1006/24 *Passport to Mecca issued in 1923, Pejabat Daerah Temerloh 1920*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ²² 23/1923 *Meeting of Penghulus to settle dates for cultivation of padi*. Arkib Negara Malaysia.
- ²³ 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ²⁴ Keterangan dari Tengku Mahmud bin Tengku Abdul Majid, Dato' Setia Lela Pahang, temuramah pada 24 Sept 1978 dalam Abdullah Hj Bahari, *Kedudukan Penghulu di Pahang Sebelum Merdeka* ms 155
- ²⁵ 447/1934 *Reports for Failure to Cultivate Padi on Paya Lands in Mukim Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ²⁶ Ibid
- ²⁷ Tanah Temerloh 1933-1936 565/34 *Seeks Permissions on behalf his 'Anak Buah' to plant sugarcane under free licence in the buffalo grazing ground Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ²⁸ Ibid
- ²⁹ Tanah Temerloh 1933-1936 280/34 *Recovery of extracts where lands are reverted to State of sold for recovery of arrears of rent Mukim Sanggang*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁰ Pahang 955/1937, *Grazing Grounds in Pahang*, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- ³¹ L.O.T. 1115/1938 *Applies of 3 acres of land at To' Apas in the Mukim of Sanggang for planting rubber*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³² Lot 79-40 *Applies for 3 Acres of land at Paya Lulai Mukim of Sanggang, for the purpose of planting padi*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³³ 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁴ 10/1934 *Collection of Land Rents in Temerloh District of the Year 1934*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁵ L.O.T. 628-34, *Replacement of Extract for E.M.R. 94 Lot 472 Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁶ 935-34 *Return L Showing approximately the area of land under cultivation on 1st January 1935 with the nature of cultivation the yield and value*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur
- ³⁷ L.O.T. 628-34 *Replacement of Extract for E.M.R. 94 lot No.472 Sanggang*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ³⁸ 535/1934 *Application for "conversion" of land held under EMR No 1729 Lot 1826 Mukim of Sanggang*. Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- ³⁹ 365-39 *Constructions and repairs to bridges and bridle-paths, Mukim Sanggang 1939*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁴⁰ 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁴¹ 45/1925 *Menghantar Permohonan Daripada En. Awang Noh Penghulu Sanggang minta kerajaan mengadakan guru di Sekolah Melayu Mukim Sanggang Temerloh, Pejabat Yang Amat Mulia Tengku Besar Pahang*, Arkib Negara Malaysia 1922-1938
- ⁴² 109/40 *Salinan Lawatan Penghulu dan Pegawai-pegawai Kerajaan ke Sekolah Quran Di Dalam Jajahan Temerloh*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁴³ 127/1941 *Hendak Membaiki Kuasa Penghulu-Penghulu Di Dalam Negeri Pahang (Cabutan daripada Mesyuarat Negeri yang ke 181 kalinya) Pada Fasal (17)*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- ⁴⁴ 102/41 *Fasal Mencari Pengganti Haji Ibrahim bin Haji Ahmad sebagai Guru Sekolah Quran Sanggang pada Januari 1942*. Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.